

Headline	Perbicaraan di mahkamah seluruh negara ditangguh		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	18 Mar 2020	Language	Malay
Circulation	140,000	Readership	420,000
Section	Nasional	Page No	1,8
ArticleSize	385 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 24,486		



### Antara lokasi yang dibuka dan ditutup

#### Boleh beroperasi:

1. Semua hospital, klinik, farmasi
2. Perbankan, bursa saham
3. Pejabat pos, TNB, jabatan air negeri
4. Pasar raya, pasar awam, kedai runcit dan kedai serbaneka (7-Eleven, Speedmart 99, KK Mart)
5. Krematorium, kubur
6. Stesen minyak, NGV
7. Balai polis, balai bomba, kem pertahanan, penjara, pelabuhan, lapangan terbang, Puspakom
8. Komuter, LRT, MRT, Monorel, perkhidmatan bas Rapid KL
9. Perkhidmatan teksi, e-hailing

#### Diarah tutup:

1. Restoran dan semua kedai makan (hanya dibenarkan bawa pulang dan pandu lalu)
2. Muzium Negara, muzium negeri, Perpustakaan Negara, perpustakaan negeri, Pusat Rujukan Arkib, Balai Seni Lukis Negara, Kompleks Kraf, Tugu Negara
3. Pusat Sains Negara, Planetarium, Menara Kuala Lumpur, Menara Alor Setar
4. Empangan, Taman Negara, taman negeri, hutan lipur, taman-taman awam, taman tema air
5. Kelab golf, kelab sosial (bar, pub, kelab malam), pusat refleksologi
6. Masjid, surau, madrasah, gereja, tokong, kuil
7. Kedai nombor ekor, kasino, spa, gimnasium
8. Pendidikan - Tadika, taska, tahfiz, sekolah kebangsaan dan menengah, sekolah jenis kebangsaan, sekolah antarabangsa dan berasrama penuh, IPTA, IPTS, institut latihan kemahiran
9. Zoo Negara, zoo negeri
10. Pusat Transformasi Bandar (UTC)
11. Pasar tani, pasar pagi
12. Panggung wayang
13. Semua jenis konsert, ceramah agama, pertandingan memancing, pesta kebudayaan
14. Kebanyakan pusat beli-belah, uptown
15. Taman tema, kasino, hotel Genting Highlands

## Perbicaraan di mahkamah seluruh negara ditangguh

**KUALA LUMPUR** - Prosiding perbicaraan mahkamah di seluruh negara bermula hari ini sehingga 31 Mac ini akan ditangguhkan sejajar dengan Perintah Kawalan Pergerakan dikeluarkan kerajaan kelmarin bagi membendung penularan Covid-19.

Bagaimanapun, permohonan reman bagi kes jenayah di mahkamah majistret masih boleh dilakukan semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan selama dua minggu itu di seluruh negara.

Arahan itu dikeluarkan oleh Pendaftar Mahkamah Persekutuan, Ahmad Terrirudin Mohd Salleh kepada semua pendaftar Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan, Mahkamah Tinggi Malaya, Mahkamah Rendah Malaya dan Mahkamah Rendah Sabah dan Sarawak me-

lalui satu kenyataan petang semalam.

Dalam kenyataan itu, keputusan dilakukan setelah perbincangan dengan Ketua Hakim Negara selaras dengan penguaman Perintah Kawalan Pergerakan yang diumumkan oleh Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

“Semua perbicaraan atau pendengaran kes sivil dan jenayah sepanjang tempoh 18 Mac hingga 31 Mac ini ditangguhkan dan penetapan tarikh perbicaraan atau pendengaran yang baharu akan dimaklumkan kemudian,” katanya dalam kenyataan itu.

Dokumen dalam talian itu turut menyatakan bahawa pengurusan kes jenayah di Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Rayuan adalah ditangguhkan dan penetapan tarikh baharu akan dimaklumkan.